

Belia catat kematian tertinggi di jalan raya

Hampir 50 peratus angka korban akibat nahas babit golongan muda

Oleh Roselan Ab Malek
bhnews@bh.com.my

Bera: Golongan belia mencatatkan kematian akibat nahas jalan raya tertinggi iaitu hampir 50 peratus daripada 14,308 kes kematian dalam tempoh dua tahun bermula 2019, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, dalam tempoh yang sama, kemalangan jalan raya juga antara penyebab utama kematian di negara ini dengan purata 4,769 nyawa terkorban setiap tahun.

"Statistik ini amat membimbangkan apabila ia menunjukkan golongan muda terdedah kepada risiko lebih tinggi semasa berada


di jalan raya. Ini adalah cabaran utama pihak penguatkuasa untuk membendungnya," katanya ketika merasmikan Program Bantuan Lesen Memandu Keluarga Malaysia (BLKM) di Dewan Kompleks Rakan Muda Bera, di sini, semalam.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, bagi membendung kadar kematian akibat nahas jalan raya, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan memperbanyakkan program advokasi dan keterlibatan dengan pihak tertentu bagi memberi kesedaran keselamatan jalan raya, selari dengan hasrat kerajaan mahu mengurangkan kematian akibat nahas jalan raya sebanyak 50 peratus menjelang 2030.

"Sebenarnya kita boleh buat apa sahaja, seperti laluan khas motosikal, tetapi kalau disiplin tidak ada, itu yang menyebabkan berlaku kemalangan.

"Jadi yang penting adalah mendidik penunggang dengan disiplin serta tentang bahaya menunggang dan sebagainya," katanya.

Yang turut hadir ialah Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya,



Ismail Sabri beramah mesra dengan belia ketika merasmikan Bantuan Lesen Memandu Keluarga Malaysia, Parlimen Bera, Pahang, semalam.

Pengangkutan dan Kesihatan negeri, Datuk Seri Norol Azali Sulaiman dan Ketua Pengarah JPJ, Datuk Zailani Hashim.

Pada majlis itu, seramai 404 masyarakat Orang Asli di Daerah Bera menerima lesen memandu melalui program BLKM.

Ismail Sabri berkata, program BLKM amat signifikan dalam membantu masyarakat yang memerlukan, termasuk golongan B40 dan masyarakat Orang Asli bagi mendapatkan lesen memandu yang sah.

Beliau berkata, ini kerana golongan terbabit tidak mempuny

ai kemampuan dari segi ekonomi atau akses kepada kemudahan latihan memandu yang dikendalikan institut memandu.

Katanya, melalui program berkenaan calon hanya perlu membayar RM20 dan akan diberi latihan dan ujian bagi mendapatkan lesen memandu, selain diberi pendedahan mengenai undang-undang jalan raya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Henry Sum Agong dalam kenyataan yang diedarkan kepada media memaklumkan, antara kriteria mengikuti program itu ialah

warganegara Malaysia berumur 16 tahun ke atas, sihat tubuh badan dan mental serta tiada kecacatan fizikal.

Selain itu, calon juga tidak disenarai hitam JPJ atau polis serta belum memiliki sebarang lesen memandu kenderaan.

BLKM adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat yang dilaksanakan sejak 1990-an menerusi Program JPJ Bersama Rakyat sebelum ditukar nama kepada Program Satu Komuniti Satu JPJ dan Program Bantuan Lesen Memandu Prihatin.